

Jenis Akhbar : Berita Harian Online
Tarikh : 10/04/2019
Edisi / Muka Surat : www.bharian.com.my
Tajuk : **MACCOPS 2019 di Johor akhir November**

10 April 2019 | 4:08pm



Abdul Fattah (lima dari kiri) mempengerusikan Persidangan Tahunan ANGKASA Negeri Johor di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM Batu Pahat. - NSTP/Adi Safri

MACCOPS 2019 di Johor akhir November

BATU PAHAT: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) akan menganjurkan Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (MACCOPS) di Pusat Konvensyen Persada Johor pada 28 November hingga 1 Disember ini.

Karnival dianjurkan secara dwi tahunan itu dijangka menarik kira-kira 100,000 pengunjung bagi menyaksikan 200 ruang pameran berkaitan kegiatan perniagaan koperasi.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata program dianjurkan dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) itu dijangka memperkasakan rantaian kerjasama koperasi negara dalam pelbagai sektor ekonomi dan perniagaan.

“Johor dipilih sebagai tuan rumah edisi keempat penganjuran MACCOPS selepas ia diperkenalkan pada 2014. Pada program ini, kita juga akan menyediakan konvensyen usahawan, jaringan dagangan dan sesi pepadanan perniagaan.

“MACCOPS 2019 juga akan meneruskan fokus mentransformasikan pembangunan perniagaan gerakan koperasi dan menyediakan lebih banyak peluang sama ada pada peringkat domestik mahu pun global.

“Antara lapan sektor utama diberi tumpuan ialah pemborongan dan peruncitan, komuniti, pelancongan dan kesihatan; pertanian; perladangan; kewangan; komuniti, hartanah; inovasi dan teknologi,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan ANGKASA Negeri Johor di Dewan Sultan Ibrahim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Korporat ANGKASA, Borhan Mat Aris dan Pengerusi ANGKASA Johor, Sazali Abd Hamid.

Abdul Fattah berkata, MACCOPS 2019 kali ini juga membabitkan kerjasama antarabangsa bagi memastikan gerakan koperasi di negara ini dapat peluang mengembangkan perniagaan mereka di pasaran lebih luas.

“Program dan aktiviti akan dilaksanakan sepanjang MACCOPS direka bentuk dengan teliti supaya dapat memberi impak besar kepada perniagaan dan perusahaan koperasi. Justeru, komuniti gerakan koperasi perlu mengambil peluang terbaik menerusi platform disediakan ini.

“Kita optimis mendapat hasil perniagaan yang lebih baik pada pengajuran tahun ini. Keyakinan ini bersandarkan hasil amat memberangsangkan dalam gerakan koperasi iaitu sebanyak RM180 juta nilai perniagaan dicapai pada 2017,” katanya.